

Wujudkan dunia selamat untuk kanak-kanak

Pada 1952, Kesatuan Kebajikan Kanak-Kanak Antarabangsa membawa satu usul penting ke Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu yang mendesak agar setiap negara anggota badan dunia itu mengiktiraf Hari Kanak-Kanak Sedunia sebagai tanda keprihatinan terhadap nasib serta kebajikan kanak-kanak seluruh dunia.

Akhirnya mulai 1953, setiap negara anggota PBB menjadikan hari Sabtu terakhir Oktober pada setiap tahun sebagai Hari Kanak-Kanak peringkat kebangsaan di negara masing-masing.

Ketetapan ini satu langkah penting warga dunia untuk mengambil peduli terhadap nasib kanak-kanak sejagat yang sewaktu itu menjadi mangsa keadaan dunia yang baru menamatkan Perang Dunia Kedua. Sejak tarikh itu banyak usaha dilakukan agar tahap kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak sentiasa meningkat dari setahun ke setahun.

Namun, usaha mewujudkan dunia yang selamat dan sejahtera kepada kanak-kanak bukan suatu usaha mudah yang mampu dijayakan segelintir individu atau kumpulan atau juga sebuah negara.

UNICEF atau United Nation Children's Fund iaitu organisasi di bawah PBB yang bertanggungjawab mengawal selia isu pembangunan, pemeliharaan dan pembelaan kanak-ka-

khasnya kanak-kanak dapat dipertahankan untuk jangka masa panjang namun ia masih gagal menyekat kejadian peperangan dan konflik terbaru sehingga menyebabkan kematian kebuluran dan kematian kanak-kanak berterusan.


Dalam situasi kemelesetan ekonomi kini, dikhabarkan ada satu bilion umat manusia yang jatuh miskin dan sudah pasti kanak-ka-

sama taraf seperti watak 'Rambo' dalam paparan perang Amerika melawan Vietnam. Istilah kemanusiaan, kasih sayang, simpati dan kesakitan dalam diri kanak-kanak malang ini amat jauh sekali maknanya dengan piagam PBB terhadap kanak-kanak seperti yang dipersetujui oleh keseluruhan negara anggotanya.

Kanak-kanak di Malaysia lebih baik

Suasana dan persekitaran yang wujud untuk kanak-kanak di Malaysia pastinya jauh lebih baik berbanding paparan yang dinyatakan di atas. Sebahagian besar kanak-kanak di Malaysia dilahirkan dalam suasana yang mengembirakan. Kekuatan institusi sosial yang berasaskan nilai kekeluargaan dan ditambah lagi dengan sokongan prasarana kesihatan yang baik menjadikan kelahiran bayi yang selamat serta sihat amat tinggi di negara ini.

Namun, kita tidak seharusnya berpuas hati dengan pencapaian yang ada ini. Memahami bahawa negara masih menghadapi cabaran pembangunan yang masih belum sekata dengan pelbagai aspek perbezaan sosioekonomi serta demografi, maka adalah penting buat kita semua menjadikan aspek pemeliharaan, perlindungan



Sejumlah besar kanak-kanak mati akibat kebuluran, kekurangan zat, serangan penyakit dan konflik peperangan.

B/H 31/10/12 M 5 24

nak seluruh dunia menyatakannya bahawa tahap kesihatan dan kesinambungan kehidupan kanak-kanak terletak di tengah kemajuan manusia. Ini bermakna, maju mundur golongan kanak-kanak ada kaitan langsung dengan cara pemikiran, keputusan serta tindakan golongan dewasa. Walaupun kesedaran mengenai perlunya membela nasib kanak-kanak telah muncul sejak awal 1946, namun ia masih gagal menghalang ancaman terhadap golongan yang lemah ini.

40,000 mati setiap tahun

Pada 1986, UNICEF menyatakan ada 40,000 kanak-kanak yang mati pada setiap tahun. Maknanya, sejumlah besar kanak-kanak yang sepatutnya menyambung kehidupan generasi masa depan lenyap sekelip mata akibat kejadian kebuluran, kekurangan zat makanan, serangan penyakit, dan konflik peperangan akibat perbezaan ideologi dan perseteruan kaum.

Kini, walaupun UNICEF kelihatan begitu serius untuk memastikannya pembangunan manusia

nak juga menjadi mangsa yang terburuk. Hakikatnya, dalam dunia peperangan dan kelaparan yang mana setiap orang mengejar waktu untuk hidup, maka kanak-kanak sering terkebelakang dari segi keutamaan atau hak.

Kanak-kanak dipaksa menggalas senjata

Malah lebih buruk lagi, bukti menunjukkan terdapat kanak-kanak yang dipaksa menggalas senjata untuk menjadi pembunuh atas kepercayaan untuk mempertahankan maruah dan kepentingan.

Sesetengah pemimpin dan orang berpengaruh di rantau yang bergolak menipu kanak-kanak dengan menghulur sebuku roti yang berlapikkan pisau di tangan kanan dan memaksa kanak-kanak ini pergi ke 'medan perang' atas nama perjuangan, sedangkan di tangan kirinya telah terhunus sepucuk pistol yang akan memecahkan kepala kanak-kanak ini sekiranya mereka enggan menurut perintah.

Kanak-kanak ini membesar dengan kepercayaan palsu bahawa mereka adalah pejuang tulen yang

serta pemulihan kanak-kanak sebagai keutamaan kita. Perlu lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) diwujudkan untuk memantau dan memperjuangkan isu ini pada setiap sudut kehidupan.

Masih ramai kanak-kanak yang terpaksa berpisah dengan induk keluarga atas masalah yang ditimbulkan oleh orang dewasa. Perceraian ibu bapa sering menjadikan kanak-kanak mangsa keadaan yang menjejaskan keseluruhan kualiti hidup. Masih ramai kanak-kanak (khususnya anak-anak yatim) kita yang terkeliru di antara paksaan untuk mencari dana pengajian agama di madrasah dengan makna tanggungjawab memenuhi tuntutan sebagai penganut yang taat.

Amatlah malang seorang anak yatim yang ditetapkan haknya sebagai asnaf sepatutnya dilindungi umat Islam terpaksa menghabiskan sebahagian usia remaja dengan menjadi peminta sedekah.



Penulis

ialah ialah Presiden Majlis Belia Malaysia